

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 14 Jun 2020 4:13 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: Program Latihan/Bengkel Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan, Keusahawanan, Libatsama Komuniti dan Industri Secara Atas Talian (Non-Teaching and Learning)



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2020 / 22 SYAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: Sukacita dimaklumkan bahawa dalam sesi perjumpaan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti bersama penjawat UUM, pihak Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah diminta untuk melaporkan berkenaan penganjuran program/latihan/bengkel secara atas talian (online) oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) sepanjang tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Program/latihan/bengkel yang berkaitan adalah seperti aktiviti Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan, Keusahawanan, Libatsama Komuniti dan industri secara atas talian menerusi Webinar/Google MEET/Talk Via Webex/Youtube/FB Live atau apa-apa aplikasi lain (selain dari latihan pembelajaran dan pengajaran).

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) UUM memohon jasa baik pihak PTJ untuk mengemaskini maklumat penganjuran program sebelum atau pada 20 Jun 2020 (Sabtu) melalui pautan berikut:

1. Program atas talian yang telah dilaksanakan:

Maklumat bagi program latihan/bengkel secara atas talian yang telah dijalankan sepanjang PKP/PKPB dilaksanakan: <https://forms.gle/53cad5k3Pw6mnEhF8>

2. Program atas talian yang dirancang di masa hadapan:

Sekiranya PTJ merancang untuk mengadakan program-program atas talian di masa hadapan: <https://forms.gle/QXD1dub8xJm15rrd8>

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi **Puan Aini binti Bahrum**, Pegawai Penyelidik Sosial, RIMC UUM di talian **04-928 4755** atau **013-518 5744** atau emel b.aini@uum.edu.my.

Sekian, harap maklum.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.